

Penjahanaman Pemikiran Intelektual

Azhar Ibrahim Alwee

Berikutan dari isu Melayu malas sebagai sebab kepincangan mereka, termasuk kelemahan pelajar Melayu dalam matematik, dan lain-lain hal yang menyentuh tentang kebobrokan masyarakat Melayu, kita telah didedahkan dengan satu gaya pemikiran yang boleh kita simpulkan sebagai penganiayaan terhadap pemikiran rasional yang sihat dan bertanggungjawab.

Dalam era moden ini, atas nama hak dan kebebasan, kononnya semua boleh meluahkan pendapat masing-masing, betapapun karut dan melutut idea-idea yang diucapkan itu.

Ruang publik menjadi semarak dengan pertukaran idea, tetapi juga menjadi semak dengan idea-idea dangkal, bebal, basi dan keji.

Satu di antara bercambahnya kebebalaan ini ialah bertahannya dan berlanjutannya trend *penjahanaman pemikiran intelektual*.

Sumber penjahanaman ini boleh datang dari individu dan kelompok tertentu atau institusi yang mantap, seperti negara atau badan kepersatuan tertentu.

Pertama, harus kita perhatikan jenis-jenis penjahanaman intelektual musiman yang terdiri daripada individu-individu tertentu, yang pada fikirannya, berprihatin kepada isu dan permasalahan masyarakat, yang tampil untuk menyatakan pendapat mereka.

Dengan keegoan dan rasanya berhak untuk menyampaikan pendapat mereka, yang diutarakan itu selalunya sarap-sarap idea bertahun lamanya berkarat dalam benak dan bayangan mereka. Hujah mereka rapuh, malah senang disangkal, kecuali menjadi lelah untuk ditepis kerana ianya berulang dan timbul daripada pelbagai sudut dan masa.

Lain perkataan, lontaran idea mereka kecil sebenarnya, tapi taluan lontaran itu datang bermusim sehingga idea-idea yang tidak munasabah dan bebal terakam dan terbudaya dalam khalayak yang ramai.

Yang penting kita harus menjangkau mencari sebab musabab bukan saja mengapa tren penjahanaman ini berlarutan, tetapi juga mengapa ia bertahan sekian lama.

Ini tentunya mengajak kita memerhatikan persekitaran politik, sosial dan budaya dalam masyarakat kita, sehingga penjahanaman pemikiran intelektual semakin menjadi-jadi, tanpa lenturan dan teguran.

Sebelum menjelaskan, seperkara penting untuk diingatkan ialah apabila kita mengatakan bahawa sesuatu kelompok atau institusi itu, kita tidaklah mengandaikan bahawa semua dari mereka itu berkelakuan dan berfikiran sama, melainkan kita mencirikan hanya *di kalangan* tertentu dalam kelompok atau institusi masing-masing.

- (1) **Pertama** wujudnya di kalangan elit pemerintahan yang takut pada idea-idea yang progresif, yang tidak dapat tidak, datang dari sumber intelektual yang kritis dan substantif. Elit yang rakus kuasanya, akan menjadi penghalang pertama pada idea-idea yang progresif, betapapun dari luarannya mereka tampil sebagai pemaju idea yang moden dan canggih. Demi kepentingan menepis idea-idea progresif daripada berkembang dan berpijak, makanya menjadi kepentingan elit pemerintahan ini untuk membenarkan idea atau kelompok yang mundur ideanya dalam persada 'nasional' kerana akhirnya kelompok ini senang dijaga, selain idea-idea tersebut juga senang 'dilayan', tanpa merosakkan rejim yang berkuasa itu.
- (2) **Kedua** golongan agamawan yang reaksioner, yang mungkin dalam jubah tradisionalisme agama, mahupun dalam jubah fundamentalisme agama yang eksklusif. Kelompok yang mendabik dada sebagai penjaga kunci agama ini, tidak akan membenarkan idea yang tidak selari dengan penetapan mereka. Paling terparah apabila kelompok ini bersekongkol dengan penguasa negara/politik. Separah lagi apabila kejahilan mereka terhadap dunia realiti ini mereka tutupkan dengan jubah keagamaan yang mutlak, langsung mengingatkan bahawa manusia itu kerdil dan lemah dan hanya Tuhan sahaja yang mengetahui.
- (3) **Ketiga** ialah penjaga media yang mundur, khasnya golongan wartawan yang menyediakan berita dan idea dalam akhbar dan media elektronik. Pemilihan yang mereka buat memperlihatkan kecenderungan ideologi serta selera intelektual yang mereka miliki. Sebagai penampung idea, kelompok ini menentukan manakah idea yang boleh tersiar dan mana pula yang harus disenyapkan, ataupun yang harus diputarbelitkan. Kelompok penjaga ini selalunya adalah sebahagian daripada sayap elit pemerintahan yang berkuasa dan agenda rejim yang berkuasa ini akan tersalur daripada mereka yang kemudian dikemas sebagai berita dan informasi.
- (4) **Keempat** ialah gerombolan intelektual yang bersekongkol dengan penguasa, termasuk juga menjadi pengapit yang khadam pada imperialisme akademik yang berpusat dari sesetengah negara dunia pertama. Golongan intelektual ini dapat berbicara kepada pentas dunia yang dibina oleh imperialisme akademik tetapi langsung tidak bernafsu untuk membicarakan perihal yang pahit dan meruncing dalam masyarakat mereka. Lapangan intelektual sudah menjadi taman-taman teori yang buahnya harus dieksport ke Barat, sedangkan tanah dan bajanya harus datang dari sana jua. Ranah intelektual ini malah menjadi penyangkak utama dalam pembudayaan intelektual yang merdeka, berdaya dan berpihakan.
- (5) **Kelima**, berakibat daripada kemunduran golongan intelektual tempatan yang khadam ini, lahir pula kohort inteligensia yang tarbiahnya lebih teknis dan mekanistik pemikirannya, dengan kesadaran sosial yang tempang, kesejarahan yang tipis, keberdayaan yang lesu, serta kerapuhan pemikiran intelektualnya

sehingga tidak dapat membezakan antara yang menindas dan yang tertindas. Dengan visi moral yang tidak berpihakan, maka mereka senang tersuap dengan apa jua lambakan idea, sehingga memikirkan mereka sudah dan selalu mengetahui setiap segala dan sebabnya dalam masyarakat. Inteligensia tidak berfungsi ini bukan saja tidak berdaya dalam pelbagai segi, malah mereka juga akan turut sama mematkan semangat pemberdayaan dan kemerdekaan di kalangan rakyat biasa. Inilah penjahanaman intelektual yang paling besar, dari segi jumlahnya.

- (6) **Keenam** aktivisme NGO yang berkepentingan, sehingga laungan mereka untuk bergiat, berpartisipasi dan berintervensi menjadi amat deras sehingga kewarasan dan kepaduan intelektual senang ditepis kerana ianya dikatakan terlalu banyak berfikir daripada bertindak. Tanpa disedari aktivisme gaya ini yang galak untuk turun ke lapangan, menunjukkan sikap anti-intelektualisme dek kerana bersungguh sangat melakukan sesuatu dengan segera dalam lapangan masyarakat. Terjadilah perumpamaan bagai si rabun memimpin si buta kerana tanpa diagnosis yang betul akan masalah yang sebenarnya, aktivisme NGO seperti ini lebih mengeruhkan masalah yang ada.
- (7) **Ketujuh**, ialah medan awam yang senang ternganga, baik yang terlafazkan dari pemimpin tertentu yang memang mundur atau jahat pemikirannya, dengan digembar-gemburkan oleh elit media yang terasyik dengan mengampu serta memacu idea-idea dangkal. Medan awam ini sudah sekian lama terdedah dengan lontaran dan dentuman yang mengasik, membebal dan mendangkalkan pemikiran, selain pukauan konsumerisme dan hiburan yang merajai ranah imaginasi dan riadah. Tidak dimaksudkan bahawa medan awam ini semuanya pasif. Malah kiranya idea-idea progresif dan kritis dapat terapung di kalangan mereka, ianya boleh menjadi suatu gerakan idea yang menjanjikan.

Penjahanaman pemikiran intelektual lahir dari penjahanam intelektual yang wujud dari diri individu tertentu, kelompok tertentu dan institusi tertentu. Ianya boleh menjadi parasit yang akan mencengkam kehidupan masyarakat dalam jangka panjang, sehingga kesannya membawa bencana yang lebih parah.

Makanya, memerhatikan gerak laku mereka harus menjadi kepedulian mereka yang mahu mencari jalan bagaimana idea-idea intelektual yang progresif dalam disemai dan dikembangkan dalam masyarakat. Mengenali dan membedahi pemikiran penjahanam ini, adalah tentunya, langkah pertama.

Kopenhagen
9 Januari 2010